



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE TENTH ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION FOOD SECURITY MINISTERIAL MEETING, INCHEON, KOREA SELATAN

INCHEON, 11 OGOS 2025 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, telah mengetuai delegasi Malaysia ke 10th Asia Pacific Economic Cooperation Food Security Ministerial Meeting (FSMM ke-10) yang berlangsung di Incheon, Korea Selatan pada 10 Ogos 2025.

Bertemakan “Building a Sustainable Tomorrow”, mesyuarat kali ini memberi tumpuan kepada tiga bidang keutamaan iaitu *Connect*, *Innovate* dan *Prosper*. FSMM ke-10 menjadi platform penting untuk pertukaran pandangan dan pengalaman berkaitan inovasi dalam sistem pertanian, di samping membincangkan pendekatan kolaboratif bagi mencapai keterjaminan makanan yang mampan. Perbincangan turut menekankan aspek kemampanan, inovasi pintar dan penjajaran kesalinghubungan global mengikut keutamaan ekonomi-ekonomi APEC dalam membangunkan sistem makanan lestari dan mampan.

YB Menteri turut menyampaikan intervensi semasa sesi *roundtable discussion* dengan menekankan keperluan mengenal pasti keutamaan bersama dan memperkukuh kerjasama bagi mencapai matlamat keterjaminan makanan yang mampan di rantau ini. Beliau turut menggariskan kepentingan inovasi dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam memperkukuh sistem makanan.

Dalam konteks global, Malaysia amat prihatin terhadap situasi keterjaminan makanan dunia yang semakin meruncing akibat konflik, bencana iklim dan ketidakstabilan ekonomi. Keadaan di Sudan dan Gaza, yang kini berdepan krisis kelaparan serta pelanggaran serius terhadap undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia untuk mendapatkan makanan amat membimbangkan. Malaysia berdiri teguh bersama komuniti antarabangsa dalam mengecam tindakan ini dan menyeru agar penyaluran bantuan kemanusiaan serta pelaksanaan segera usaha bantuan dipertingkatkan.

Di sela-sela mesyuarat tersebut, YB Menteri telah mengadakan kunjungan hormat ke atas PYT Song Miryung, Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar, Korea Selatan (MAFRA). Pertemuan ini mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk terus memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang pertanian antara Malaysia dan Korea Selatan.

Antara perkara utama yang dibincangkan adalah potensi kerjasama dengan pihak Korea Selatan dalam bidang penyelidikan dan pemodenan sektor pertanian serta pembangunan modal insan seperti dalam aspek pendaftaran dan pemantauan racun biopestisid dan teknologi kecerdasan buatan (AI) di dalam pengesanan awal serangan perosak terutamanya tanaman padi.

YB Menteri turut menjemput pihak Korea Selatan untuk menghadiri High-Level Advisory Group (HLAG2025) bersempena denganengan penganjuran 4th World Irrigation Forum (WIF4) dan 76th International Executive Council (IEC) Meeting of the International Commission on Irrigation and Drainage (ICID) yang akan berlangsung pada September 2025 di Kuala Lumpur, yang bertujuan membentuk dasar bagi menangani kesan perubahan iklim dan peningkatan permintaan terhadap sumber air melalui penggunaan teknologi serta pengurusan sumber yang efisien dalam sistem pengairan. Beliau juga mengalu-alukan penyertaan pihak Korea Selatan dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang akan diadakan pada tahun hadapan.

Delegasi KPKM turut disertai oleh Encik Nazarudin Ja'afar, Chargé d'Affaires, Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian serta pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

